

Abstrak

Kajian ini cuba membuat tinjauan tentang tahap kefahaman bacaan di kalangan murid-murid tahun tiga di sebuah sekolah rendah. Tinjauan dibuat untuk melihat sejauh manakah murid-murid tahun tiga dapat menjawab soalan-soalan kefahaman yang telah dipemeringkatkan dan disesuaikan dengan bahan-bahan yang telah dikenal pasti sebagai bahan tahun satu, dua, tiga, empat, lima, dan tahun enam. Selain itu, kajian ini juga dijalankan untuk melihat sama ada terdapat perbezaan tahap kefahaman bacaan di antara murid lelaki dengan murid perempuan.

Seramai 100 orang murid tahun tiga di sebuah sekolah rendah telah dipilih sebagai sampel kajian ini. Mereka terdiri daripada 35 orang murid lelaki dan 65 orang murid perempuan daripada kaum, latar belakang keluarga, dan taraf sosioekonomi yang berbeza-beza.

Data untuk kajian ini diperolehi melalui jawapan kepada soalan-soalan kefahaman berbentuk objektif aneka pilihan. Setiap sampel membaca senyap selama lima belas minit sesuatu petikan, sebelum menjawab enam soalan objektif, bagi setiap petikan. Soalan-soalan kefahaman yang disediakan telah diubahsuai mengikut taksonomi penyediaan soalan yang telah dikemukakan oleh Pearson & Johnson (1978). Terdapat tiga jenis soalan yang disediakan, iaitu jenis eksplisit teks, implisit teks, dan implisit skrip. Data dianalisis melalui sistem SPSS, dengan menggunakan min, peratus min, dan ujian-t.

Secara keseluruhannya, purata 80% daripada murid-murid tahun tiga dapat menjawab dengan betul keenam-enam soalan petikan tahun satu. Bagi soalan-soalan petikan untuk tahun dua, tahun tiga, dan tahun empat, hampir separuh daripada murid-murid tahun tiga berjaya menjawab dengan betul. Bagi soalan kefahaman tahun lima pula, jumlah murid tahun tiga yang menjawab dengan betul hanya 40% sahaja. Manakala soalan kefahaman tahun enam, hanya satu perempuan daripada semua murid tahun tiga berjaya menjawab dengan betul.

Berdasarkan kajian ini, dapat dilihat bahawa murid tahun tiga menjawab dengan tepat soalan-soalan yang berbentuk eksplisit teks dan implisit teks. Tetapi bagi soalan jenis implisit skrip, sukar bagi murid-murid berkenaan menjawab dengan betul.

Berdasarkan kajian ini juga, dapat dilihat bahawa tidak terdapat perbezaan tahap kefahaman bacaan di antara murid lelaki dengan murid perempuan.

**A STUDY OF THE READING COMPREHENSION LEVEL
AMONG YEAR THREE PUPILS
OF A PRIMARY SCHOOL**

Abstract

This research tries to ascertain the reading comprehension level among the year three pupils of a primary school. The main purpose is to examine whether the year three pupils can answer the comprehension questions which follow passages which have been developed and identified as year one, year two, year three, year four, year five, and year six materials. Additionally, besides the study is conducted in order to ascertain the different level of reading comprehension between the girls and boys.

One hundred year three pupils of a primary school have been included in the research sample. They are thirty -five boys and sixty-five girls from various races, family backgrounds, and socio-economic status.

Data for this research is collected from response to multiple choice questions. Each sample is required to read silently for fifteen minutes before answering six questions following each of the passages. The comprehension questions have been prepared and adapted according to the taxonomy of question types developed by

Pearson & Johnson (1978). There are three types of questions, that is textually-explicit, textually-implicit, texts and scriptally implicit questions. Data is analysed through SPSS system, using the mean, the percentage mean, and the t-test.

In general, about 80% of the year three pupils are able to answer the six questions for the year one passage correctly. For year two, year three, and year four passages, nearly half of the year three pupils succeed in answering them correctly. For year five comprehension questions, only 40% of the year three pupils are able to answer them correctly. Whereas for the year six comprehension questions, only a quarter of them got managed to provide the correct answers.

Based on this research, it can be seen that the year three pupils are able to answer the questions for the explicit and implicit structured texts. But for questions which are of the implicit scripts, the pupils find them hard.

Besides that, it can also be seen that there is no difference in comprehension level between the boys and the girls.